



GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN PUNGUTAN KHAIRAT MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis Panduan ini dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dan mula berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.
- 1.2 Garis Panduan ini menggariskan tatacara Permohonan Kebenaran Pungutan Khairat di Negeri Terengganu Darul Iman.
- 1.3 Garis Panduan ini terpakai bagi semua permohonan pungutan khairat tidak termasuk wakaf.
- 1.4 Mana-mana permohonan yang tidak menepati syarat-syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini akan ditolak.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Permohonan Pungutan Khairat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu ini dikuatkuasakan bagi menjelaskan kehendak Seksyen 90 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M.
- 2.2 Garis Panduan ini bertujuan untuk mengawal segala kebenaran yang telah dikeluarkan MAIDAM agar ianya dipatuhi supaya tidak menimbulkan penyelewengan terhadap setiap pungutan yang dibuat.
- 2.3 Selain itu juga, ianya bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan proses kebenaran pungutan khairat.

3. TAKRIFAN

- 3.1 Takrifan Umum

- (i) Agensi/organisasi
Agensi/organisasi termasuk agensi kerajaan dan agensi swasta yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa berkaitan.

- (ii) Pertubuhan
Pertubuhan adalah mana-mana pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (R.O.S).
- (iii) Jawatankuasa
Jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Masjid dan Jawatankuasa Surau yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.
- (iv) Masjid atau Surau
Masjid atau surau yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu atau Masjid atau Surau di bawah Institusi Pendidikan.
- (v) Madrasah/Pondok
Madrasah/Pondok yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu.
- (vi) Sekolah
Sekolah termasuk sekolah kerajaan dan sekolah bukan kerajaan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa berkaitan.

3.2 Takrifan Tujuan Khairat

- (i) Pembinaan Baharu
Pembinaan baharu bagi mendirikan masjid, surau, madrasah, ma'ahad, sekolah atau pertubuhan
- (ii) Pembinaan Semula
Pembinaan semula bangunan masjid, surau, madrasah, ma'ahad, sekolah atau pertubuhan di atas bangunan sedia ada.
- (iii) Pembaikan
Pembaikan yang meliputi kerja-kerja ke atas bangunan sedia ada seperti pembaikan atap, tandas, longkang atau struktur bangunan.
- (iv) Penyelenggaraan
Penyelenggaraan sesebuah bangunan atau organisasi seperti perbelanjaan menyelenggara apa-apa bangunan sekolah, perbelanjaan mengelola sesuatu pertubuhan dan apa-apa yang berkaitan.
- (v) Tabung Bencana
Mewujudkan tabung-tabung bencana seperti tabung bencana tsunami, tabung mangsa banjir, tabung mangsa tanah runtuh dan sebagainya.

- (vi) Tabung Bantuan Umum
Mewujudkan tabung bantuan umum umat Islam sebagai contoh Save Gaza, Tabung Amal Palestin, Tabung Terengganu for Turkiye, dan Tabung Aman Syria.
- (vii) Projek Amal
Mewujudkan projek kebajikan atau projek amal oleh persatuan/pertubuhan pelajar/NGO seperti contoh bantuan anak yatim, projek membersihkan alam sekitar dan seumpamanya.

*** Permohonan selain daripada tujuan di atas adalah **tidak dibenarkan** sama sekali.

4. TATACARA DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 4.1 Setiap permohonan hendaklah diisi secara atas talian melalui sistem *khairat2u* (rujuk manual pengguna).
- 4.2 Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:
 - (i) Syarat Umum:
 - a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur 18 tahun ke atas;
 - c. setiap permohonan hendaklah dibuat oleh agensi/institusi/pertubuhan yang berdaftar dengan pihak berkuasa;
 - d. pemohon/penama yang dinyatakan hendaklah tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah;
 - e. pemohon hendaklah terdiri daripada Ahli Jawatankuasa yang dilantik kecuali dipersetujui sebaliknya oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM; dan
 - f. kelulusan permohonan adalah berdasarkan kepada pertimbangan Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM dengan merujuk kepada dokumen yang dikemukakan.
 - (ii) Syarat Khusus:
 - a. pemohon tidak dibenarkan membuat pungutan khairat di masjid-masjid, surau-surau dan dari rumah ke rumah;

- b. pungutan hendaklah dibuat terus kepada individu-individu tertentu yang berminat untuk menderma contohnya seperti tokoh-tokoh korporat, pejabat-pejabat kerajaan atau swasta;
 - c. kuasa memungut derma ini hanya diberikan kepada orang yang namanya tercatat di atas surat kebenaran yang dikeluarkan oleh MAIDAM sahaja;
 - d. sijil/kad kebenaran pungutan khairat tidak boleh dikawal atau dipinjamkan kepada orang lain;
 - e. pemohon dan pemungut tidak dibenarkan sama sekali untuk terlibat dengan pungutan lain selain daripada kebenaran yang telah diberikan oleh MAIDAM tersebut;
 - f. jumlah pungutan yang dibuat hendaklah dilaporkan dan dikemaskini dari semasa ke semasa di sepanjang tempoh kebenaran pungutan tersebut ke dalam sistem *khairat2u* (rujuk manual pengguna); dan
 - g. kebenaran pungutan khairat ini hanya sah untuk kutipan dalam Negeri Terengganu sahaja.
- 4.3 Pemohon hendaklah memuatnaik dokumen-dokumen sokongan berikut mengikut kategori permohonan ke dalam sistem *khairat2u*:
- i. kertas kerja;
 - ii. surat kelulusan pihak berkuasa tempatan/Jabatan Kerja Raya (Pembinaan Bangunan);
 - iii. hak milik tanah;
 - iv. surat kebenaran pemilik tanah jika bukan didaftarkan di bawah nama MAIDAM (bagi tanah masjid/surau);
 - v. surat kebenaran membina masjid/surau daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu;
 - vi. pelan lakar masjid/surau bangunan baharu/tambahan yang telah diluluskan;
 - vii. salinan penyata bank terkini;
 - viii. penyata penerimaan dan perbelanjaan pada tahun berakhir 31 Disember tahun sebelumnya;
 - ix. salinan buku resit/kupon pungutan khairat;

- x. senarai Jawatankuasa Lembaga Pengelola (termasuk no. kad pengenalan, alamat dan pekerjaan);
 - xi. senarai nama-nama pemungut yang akan memungut derma (termasuk no. kad pengenalan, alamat dan pekerjaan);
 - xii. senarai Ahli Jawatankuasa terkini yang disahkan oleh Pengurusan Tertinggi;
 - xiii. gambar berukuran passport setiap pemungut derma;
 - xiv. surat pengesahan permohonan daripada Pengurus Jawatankuasa/Pengurusan Tertinggi;
 - xv. surat sokongan daripada Pejabat Pelajaran Daerah/Negeri bagi pungutan khairat di institusi pendidikan; dan
 - xvi. salinan perakuan pendaftaran daripada Pendaftar Pertubuhan (R.O.S).
- 4.4 Bayaran permohonan yang dikenakan adalah sebanyak RM150.00.
- 4.5 Bayaran bagi kad digital kebenaran memungut yang dikenakan adalah sebanyak RM20.00 seorang.

5. PERMOHONAN LANJUTAN

- 5.1 Setiap permohonan hendaklah diisi secara atas talian menggunakan sistem *khairat2u* (rujuk manual pengguna).
- 5.2 Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tamat tempoh kebenaran terdahulu.
- 5.3 Bayaran permohonan adalah sebanyak RM100.00 manakala bayaran bagi kad digital adalah sebanyak RM20.00 seorang.
- 5.4 Senarai dokumen yang perlu dimuatnaik ke aplikasi *khairat2u* bagi permohonan lanjutan adalah sebagaimana berikut:
 - i) salinan penyata bank yang terkini;
 - ii) penyata penerimaan dan perbelanjaan terkini yang disahkan oleh pihak pengurusan pemohon;
 - iii) salinan kad pengenalan dan gambar pemungut (ahli tambahan sahaja); dan
 - iv) surat Pengesahan Permohonan Lanjutan Pungutan Khairat daripada pengurus jawatankuasa/pengurusan tertinggi.

6. TEMPOH KEBENARAN PUNGUTAN KHAIRAT

- 6.1 Tempoh pungutan khairat diberikan berdasarkan kepada perkara berikut:
 - i) tujuan pungutan khairat; dan
 - ii) kos yang diperlukan.
- 6.2 Tempoh kebenaran pungutan khairat adalah tidak melebihi dua belas (12) bulan.
- 6.3 Tempoh lanjutan kebenaran pungutan khairat adalah tidak melebihi dua belas (12) bulan.

7. TINDAKAN SETELAH KEBENARAN MEMUNGUT DIPEROLEHI

- 7.1 Pungutan khairat hendaklah melibatkan sesiapa yang ingin menderma secara sukarela sahaja dan tiada unsur paksaan atau ugutan.
- 7.2 Kebenaran ini hanya diberikan kepada pemungut-pemungut yang mana nama-nama mereka tercatat dalam surat kebenaran sahaja.
- 7.3 Pemungut khairat hendaklah mengeluarkan resit atau kupon penerimaan yang telah didaftarkan dengan MAIDAM kepada penyumbang.
- 7.4 Resit atau kupon yang dikeluarkan tidak boleh menggunakan perkataan WAKAF dan hanya boleh menggunakan perkataan SUMBANGAN KHAIRAT sahaja.
- 7.5 Pemohon hendaklah menyimpan rekod kewangan pungutan khairat dan rekod perbelanjaan dengan telus.
- 7.6 Pihak MAIDAM/Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)/Pejabat Agama Daerah (PAD) berhak pada bila-bila masa untuk meminta rekod kewangan, keratan resit atau apa-apa dokumen yang berkaitan bagi tujuan pemeriksaan dan pengauditan.
- 7.7 Pemohon hendaklah mentadbir dan menguruskan wang khairat yang dipungut sebagaimana yang disyaratkan pada surat kebenaran MAIDAM.
- 7.8 Kebenaran pungutan khairat yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada undang-undang/peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

8. WANG PUNGUTAN YANG TIDAK DIBELANJAKAN

- 8.1 Sekiranya wang pungutan khairat itu tidak dibelanjakan, maka wang tersebut hendaklah diserahkan kepada MAIDAM berdasarkan subseksyen 90(3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M.

9. PEMBATALAN ATAU PENAMATAN

- 9.1 MAIDAM berhak untuk menamatkan/membatalkan kebenaran pungutan khairat berdasarkan sebab-sebab/alasan yang munasabah pada pandangan MAIDAM.

Prof Madya Dr Ahmad Azrin bin Adnan
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

Dikeluarkan pada :
(No. rujukan :)